

Hajiji angkat sumpah Ketua Menteri

Ikrar beri sepenuh khidmat kepada semua rakyat di Sabah tanpa mengira perbezaan latar belakang dan politik

KOTA KINABALU

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Sabah, Datuk Seri Hajiji Mohd Noor sah mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah ke-16 di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin di semalam.

Istiadat penyampaian watakah pelantikan jawatan dan mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri berlangsung di Istana Negeri di sini kira-kira jam 10.30 pagi.

Turut hadir pada istiadat itu ialah isteri Juhar, Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Selesai melafaz ikrar angkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Hajiji kemudian menandatangani dokumen watakah pelantikan.

Antara pemimpin politik yang hadir ialah Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Upacara itu diikuti dengan lafaz angkat sumpah untuk tiga jawatan Timbalan Ketua Menteri.

Antara yang dilantik menjawat jawatan Timbalan Ketua Menteri 1 ialah Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Bung Moktar Radin yang turut dilantik sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

Bagi jawatan Timbalan Ketua Menteri 2 pula dipegang oleh Presiden Parti



FOTO: BERNAMA

Tun Juhar menyampaikan watakah pelantikan kepada Hajiji sebagai Ketua Menteri Sabah ke-16 pada Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Ketua Menteri Sabah di Istana Negeri, Kota Kinabalu semalam.

Solidariti Tanah Airku (STAR), Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang turut memegang portfolio Menteri Pertanian dan Perikanan.

Jawatan Timbalan Ketua Menteri 3 dipegang oleh Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Dr Joachim Gunsalam yang turut memegang portfolio Menteri Pembangunan Perindustrian.

Sementara itu, istiadat sama turut menyaksikan upacara mengangkat sumpah dua Menteri Kanan iaitu Menteri Kerja Raya Sabah yang dipegang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karanaan, Datuk Seri Masidi Manjun manakala

Setiausaha Agung PBS, Datuk Jahid Jahim pula memegang portfolio Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Dalam ikrarnya, Hajiji berkata, beliau akan menjadi Ketua Menteri kepada kerajaan negeri yang inklusif dan akan memberikan sepenuh khidmat kepada semua rakyat di Sabah tanpa mengira perbezaan

latar belakang dan pegangan politik.

“Amanah dan tanggungjawab ini amat besar dan mencabar. Saya memohon semua pihak termasuk sekalian rakyat untuk bersatu demi kepentingan tanah air.

“Hasrat saya untuk memimpin sekalian rakyat ke arah Sabah Maju Jaya. Cabaran utama di hadapan kita adalah untuk membendung penularan pandemik Covid-19 dan seterusnya menangani implikasinya,” kata beliau.

Sementara itu, Hajiji turut merakamkan penghargaan kepada Tun Juhar atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Sabah.

“Pelantikan ini merupakan penyempurnaan kepada mandat yang telah diberikan oleh rakyat di Sabah untuk penubuhan sebuah kerajaan baharu.

“Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan buat sekalian rakyat yang telah menunaikan hak serta tanggungjawab dalam proses demokrasi,” katanya.

PORTFOLIO KABINET BAHARU SABAH



DATUK SERI HAJIJI MOHD NOOR
Portfolio: Ketua Menteri/ Menteri Kewangan
ADUN Sulaman
Parti: Bersatu



DATUK SERI BUNG MOKHTAR RADIN
Portfolio: Timbalan Ketua Menteri 1/Menteri Kerja Raya
ADUN Lamag
Parti: UMNO



DATUK DR JEFFREY KITINGAN
Portfolio: Timbalan Ketua Menteri 2/ Menteri Pertanian dan Industri Makanan
ADUN Tambunan
Parti: STAR



DATUK DR JOECHIM GUNSALAM
Portfolio: Timbalan Ketua Menteri 3/Menteri Perdagangan dan Perindustrian
ADUN Kudasang
Parti: PBS



DATUK SERI MASIDI MANJUN
Portfolio: Menteri Kewangan 2/ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
ADUN Karanaan
Parti: Bersatu



DATUK JAHID JAHIM
Portfolio: Menteri Pembangunan Luar Bandar
ADUN Tamparuli
Parti: PBS